

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN  
[ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [ SEPANGGAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Peruntukan Khas Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen diberikan kepada semua Ahli Parlimen termasuk mereka yang tidak menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Kerajaan, jumlahnya dan bilakah ianya diberikan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.
2. Pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, (ICU, JPM) sedang mengambil tindakan berhubung penyaluran peruntukan ini.

Sekian, terima kasih.